

# 51 maut di Turki

## Enam kampung musnah digegar gempa sekuat 6 magnitud

**A**NKARA: Gempa bumi sekuat 6 magnitud melanda timur Turki, semalam, membunuh 51 orang dan memusnahkan rumah di sekurang-kurangnya enam perkampungan kecil di wilayah Elazig.

Kebanyakan rumah yang musnah diperbuat daripada batu atau campuran kayu dan lumpur, selain merobohkan menara masjid.

Datuk Bandar Kovancilar, Bekir Yanilmaz, menyatakan jumlah kematian itu kepada stesen televisyen, manakala pusat krisis dikendalikan kerajaan mengesahkan 51 terkorban.

Kawasan paling teruk terjejas adalah Kampung Okcu-

lar apabila 17 orang maut dan kediaman di situ musnah sama sekali, manakala 13 lagi di Yukari Demirci.

Pusat krisis milik kerajaan berkata, kira-kira 100 orang cedera dalam gegaran pada jam 4.32 petang (9.32 pagi waktu Malaysia) di Elazig, kira-kira 550 kilometer di timur Ankara.

Pusat gempa terletak berhampiran Kampung Basyurt dan lebih 30 gegaran susulan dikesan selepas itu.

Pusat Seismologi Kandilli berkata, gegaran terkuat direkodkan adalah 5.5 magnitud.

Stesen televisyen *CNN-Turk* melaporkan, empat gadis adalah antara penduduk



**BENCANA ALAM...**anggota penyelamat membawa wanita yang cedera di selatan Elazig, semalam.

yang terbunuh.

Pentadbir Kampung Yukrai Kanatli, Yadin Apaydin, berkata semua binaan ranap sama sekali.

"Tiada satu pun batu yang masih kekal di tempatnya," katanya.

Pihak berkuasa pula menutup laluan ke Kampung Okcular bagi memudahkan ambulans dan kenderaan penyelamat keluar masuk di jalan sempit di situ.

Pentadbir kampung, Hasan Demirdag, berkata kampung itu ranap sepenuhnya.

Mangsa, Ali Riza Ferhat, berkata dia terkejut daripada tidur kerana gegaran kuat.

"Saya cuba keluar ikut pintu tapi gagal dan menggunakan tingkap untuk menyelamatkan diri sebelum membantu jiran lain," katanya.

Di situ, katanya, dia menarik keluar enam mayat.

Gegaran turut dirasa di wi-

layah Tunceli, Bingol dan Diyarbakir yang terletak berhampiran, memaksa penduduk di situ bertempiran menyelamatkan diri.

Kebanyakan mereka menghabiskan malam di luar.

Pegawai kerajaan menasihati orang ramai tidak memasuki kediaman mereka yang rosak kerana ia mungkin runtuh akibat gegaran susulan beberapa hari akan datang. - AP

**RANAP...orang ramai membantu mangsa mengalihkan sisa runtutan sebuah rumah di Karakocan, semalam.**



## GEMPA BUMI UTAMA PADA 2010

Gempa bumi kuat melanda timur Turki pada Isnin membunuh sekurang-kurangnya 51 orang di wilayah Elazig, menurut gabenor tempatan



4 Feb  
California, AS  
5.9 magnitud  
Kedalaman: 23.6 km

12 Jan  
Haiti  
7.0 magnitud  
Kedalaman: 13 km

27 Feb  
Maule, Chile  
8.8 magnitud  
Kedalaman: 35

8 Mac  
Turki  
5.9 magnitud  
Kedalaman: 10 km

4 Mac  
Taiwan  
6.4 magnitud  
Kedalaman: 23.1 km

1 Feb  
Bougainville  
Papua New Guinea  
6.2 magnitud  
Kedalaman: 33 km

26 Feb  
Ryukyu, Jepun  
7.0 magnitud  
Kedalaman: 22 km

3 Jan  
Kepulauan Solomon  
7.1 magnitud  
Kedalaman: 25 km